

## **Perpindahan Kolej Cosmopoint Kuala Terengganu Mencetuskan Suasana Baharu dan Menampilkan Kelainan**

**26 Oktober 2015, Kuala Terengganu** – Kolej Cosmopoint hari ini mengadakan majlis perasmian dan Karnival Hari Terbuka sempena dengan perpindahan lokasi dari Jalan Sultan Ismail ke Kompleks Maksak, Jalan Cherong Lanjut. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Berhormat A. Latiff Bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Terengganu yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Ahmad Razif Bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu.

Kolej Cosmopoint Kuala Terengganu telah beroperasi selama 10 tahun bermula sejak bulan Mei 2005. Dalam usaha memenuhi kehendak pasaran industri tempatan, khususnya di negeri Terengganu, Kolej Cosmopoint telah membuka lebih banyak program yang relevan. Seiring dengan itu, jumlah para pelajar yang meningkat menyebabkan kapasiti fasiliti yang disediakan tidak lagi mencukupi.

Dengan lebih daripada 500 pelajar yang ada pada masa ini, perpindahan ke bangunan baharu kini dapat memberikan suasana kondusif kepada mereka kerana ruang pembelajaran yang luas serta jumlah fasiliti adalah relevan dengan bilangan pelajar.

Perpindahan Kolej ke lokasi baharu ini juga mengambil kira faktor aksesibiliti kepada para pelajar kerana ianya terletak di kawasan yang strategik. Kolej ini terus menjadi pilihan komuniti kerana ianya hampir dengan tempat kediaman para pelajar dan memudahkan mereka untuk datang ke sini.

"Sememangnya, perpindahan ini mengutamakan aksesibiliti selain menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif kepada para pelajar kami. Kolej baharu ini mempunyai fasiliti yang lebih banyak dan ruang yang lebih besar berbanding dengan bangunan lama. Antara fasiliti yang ada di sini adalah makmal komputer, studio fotografi dan grafik, perpustakaan serta surau. Elemen-elemen ini pastinya dapat mengukuhkan lagi amalan tadbir urus yang professional di kalangan pihak pengurusan," kata Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cosmopoint Sdn. Bhd.

Antara program yang paling popular di Kolej Cosmopoint adalah E-Kesetiausahaan yang menerima ramai kemasukan para pelajar setiap tahun kerana program ini menepati kehendak pasaran industri tempatan.

"Meneruskan usaha progresif ini, Kolej Cosmopoint bakal memperkenalkan program Pengurusan Pelancongan pada bulan Januari 2016. Ianya selaras dengan kempen Kerajaan Negeri yang giat mengangkat industri Pelancongan dan Hospitaliti sebagai salah satu punca pendapatan utama sosio ekonomi penduduk," tambah Mohamad Kamal.

Selain majlis pelancaran bangunan baharu, Kolej Cosmopoint Kuala Terengganu turut menganjurkan Karnival Hari Terbuka dengan mengadakan pelbagai aktiviti menarik seperti 'Tongue Twister', 'Scrabble', 'Brain Teaser', 'Human Basketball Games' dan 'Spot Sketching'. Di samping itu, warga Kolej turut menampilkan Nurul Syuhada Nurul Ain, yang merupakan Penceramah Selebriti Jemputan KLMUC serta Joel Soh, penerbit filem Polis Evo.

Di acara yang sama, turut diadakan majlis perasmian Rumah Ngaji di mana ianya merupakan projek kerjasama ulung dengan Kumpulan Media Karang kraf. Antara program yang bakal dilaksanakan adalah pengajaran pembacaan asas Al-Quran mengikut tajwid, memahami makna dan iktibar ayat-ayat Al-Quran serta menjadikan tempat tersebut sebagai pusat pertemuan untuk meluaskan kenalan dalam komuniti Islam

"Kami amat berbesar hati dengan penubuhan Rumah Ngaji di kampus ini di mana ianya merupakan usahasama kami dengan Kumpulan Media Karang kraf. Kami gembira dengan adanya sebuah syarikat badan bebas yang sehaluan dan berkongsi matlamat yang sama. Sememangnya, inisiatif murni ini adalah untuk memberi sumbangan positif kepada para pelajar dan masyarakat," ulasnya.

Kolej Cosmopoint juga komited dengan inisiatif dalam kempen D2D2J iaitu 'Diploma to Degree to Job' membuktikan kami bukan sahaja melengkapi para pelajar dengan teori dan ilmu praktikal malah komited untuk memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan di dalam dunia profesional sejurus menamatkan pengajian Diploma.

Menurut Mohamad Kamal, "Usaha ini tidak terhenti di peringkat Diploma sahaja, ianya boleh direalisasikan apabila graduan Kolej Cosmopoint berpeluang untuk menyambung pengajian Ijazah di Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) yang juga merupakan anak syarikat Kumpulan Cosmopoint. KLMUC mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan peneraju industri luar bagi menyediakan platform untuk para pelajar menjalankan latihan industri seterusnya mendapat tawaran penempatan kerjaya di syarikat berkenaan," ujarinya lagi.

Kolej Cosmopoint menawarkan kursus E-Kesetiausahaan, E-Perniagaan, Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Seni Reka Grafik, Aplikasi Multimedia serta beberapa kursus yang lain. Kesemua kursus pengajian mendapat pengesahan serta kelulusan daripada Kementerian Pendidikan dan menerima akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia, MQA (sebelum ini dikenali sebagai LAN).

**TAMAT**

[Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint.](#)

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 20 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 12 cawangan di seluruh Malaysia. Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

#### Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulineri dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

#### Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

**Pengajian Tinggi:** Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), UNITAR International University (UNITAR), Cosmopoint Group yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint College, dan APIIT Sri Lanka.

**K-12:** Asia Pacific Schools (APS) yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), dan Tenby Schools.

Untuk sebarang pertanyaan media:  
Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed  
Pengurus Pemasaran & Komunikasi  
Tel: (603) 2604 6113  
E: [elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my](mailto:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my)

Noor Anita Yusof  
Eksekutif, Pemasaran & Komunikasi  
Tel: (603) 2604 6119  
E: [noor.anita@cosmopoint.com.my](mailto:noor.anita@cosmopoint.com.my)